

UCAPAN PERASMIAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN
PELAN TINDAKAN ORANG KURANG UPAYA (2016 – 2022)**

9 OGOS 2016

**DEWAN PERDANA NUR, KPWK
PUTRAJAYA**

SALUTASI

Bismillahir Rahman Nirrahim

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Perpaduan.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir ke majlis yang sangat bermakna pada petang ini iaitu Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (2016 – 2022).

2. Membicarakan mengenai Orang Kurang Upaya (OKU) adalah sesuatu yang sangat rapat di hati saya kerana pada saya OKU adalah sangat istimewa. Justeru, pada petang ini saya berasa bangga kerana dapat berkongsi kegembiraan saya mengenai penerbitan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (2016 – 2022) dengan semua *stakeholders* yang terlibat dalam meningkatkan kesejahteraan OKU di negara kita ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian pada petang ini menguatkan lagi keyakinan saya mengenai sokongan padu dan penggemblengan tenaga dan sumber yang berterusan daripada semua pihak ke atas segala usaha Kerajaan dalam memelihara kepentingan OKU.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENDAFTARAN OKU

3. Saya sering menekankan akan kepentingan pendaftaran OKU dalam semua komunikasi saya mengenai OKU. Pendaftaran OKU sangat penting bagi membantu Kerajaan dalam merancang program pemulihan, latihan, pendidikan, menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang sesuai untuk OKU. Berdasarkan **Sistem Pengurusan Maklumat OKU (SMOKU)** hingga **Jun 2016**, terdapat **seramai 388,566 OKU** yang telah berdaftar dengan JKM. Oleh itu, saya ingin menyeru kepada semua lapisan masyarakat termasuk pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang mewakili kepentingan OKU, tidak kira di mana, yang mempunyai anak-anak OKU supaya berdaftar secepat mungkin bagi membolehkan mereka menikmati kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh pelbagai agensi Kerajaan dan swasta.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PELAN TINDAKAN OKU YANG BAHARU 2016 – 2022

4. Untuk makluman hadirin yang dihormati sekalian, Dasar OKU yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 21 November 2007 ialah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan selaras dengan tuntutan **Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya** (*Convention on the Rights of Persons With Disabilities - CRPD*). Seiring dengan penggubalan Dasar ini, satu Pelan Tindakan OKU juga telah dirangka bagi menterjemahkan Dasar

OKU ke dalam program dan aktiviti untuk memudahkan *stakeholders* yang berkaitan melaksanakannya dengan berkesan. Selain itu, Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] juga telah diluluskan oleh Parlimen pada 24 Disember 2007 dan mula berkuat kuasa pada 7 Julai 2008. Akta ini digubal setelah mengambil kira peruntukan yang terkandung dalam Konvensyen Mengenai Hak OKU dan perundangan negara yang sedang berkuat kuasa.

5. Selaras dengan komitmen terbaharu negara di peringkat antarabangsa melalui penerimaan terhadap ***Incheon Strategy to Make the Right Real for Persons with Disabilities in Asia and the Pacific*** pada tahun 2012 serta mengambil kira faktor di mana, Pelan Tindakan OKU sedia ada telah memasuki tahun ketujuh pelaksanaannya, maka Pelan Tindakan OKU sedia ada telah disemak semula supaya strategi dan program yang dirancang serta dijalankan menepati perkembangan dan keperluan semasa golongan OKU. Dalam hal ini, beberapa bengkel dan sesi konsultasi telah diadakan melibatkan Ahli Majlis Kebangsaan Bagi OKU, NGO yang mewakili kepentingan OKU dan kementerian/agensi Kerajaan yang berkaitan.

6. Pelaksanaan kesemua strategi di dalam Pelan Tindakan OKU ini melibatkan **kerjasama dan komitmen pelbagai pihak** sama ada agensi Kerajaan, swasta mahupun NGO yang mewakili kepentingan OKU. Sehubungan itu, agensi-agensi peneraju telah dikenal pasti dalam Pelan Tindakan ini untuk bersama-sama menggalas tanggungjawab murni ini. Pada petang ini, saya sangat berbesar hati dengan kehadiran wakil agensi-agensi peneraju ini

yang akan menerima **Watikah Pelantikan Agensi Peneraju Pelan Tindakan OKU.**

7. Pada pagi ini, saya telah mempengerusikan **Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi OKU Bil. 2/2016** yang mana enam (6) Jawatankuasa telah membentangkan laporan inisiatif dan aktiviti yang telah dilaksanakan iaitu Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina; Jawatankuasa Pendidikan; Jawatankuasa *Quality Life Care*; Jawatankuasa Pekerjaan; Jawatankuasa Pengangkutan; dan Jawatankuasa Pendaftaran OKU.

Hadirin yang dihormati sekalian,

2ND CBR WORLD CONGRESS 2016

8. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengambil peluang untuk mewar-warkan tentang *2nd CBR World Congress 2016* yang akan dianjurkan secara bersama antara Kementerian ini dengan CBR Network Malaysia dan Majlis Pemulihan Malaysia dari 27 hingga 29 September 2016. Persidangan antarabangsa mensasarkan penglibatan seramai 1,500 penyertaan di peringkat antarabangsa dan tempatan melibatkan wakil daripada kementerian, agensi Kerajaan, NGO OKU, pusat pemulihan dalam komuniti (PDK) dan ahli akademik. Selain itu, sebanyak 11 PDK telah dipilih untuk dijadikan model terbaik dan akan ditunjukkan kepada peserta-peserta semasa persidangan tersebut.

PERKONGSIAN BIJAK DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

9. Kementerian ini secara bersendirian tidak mungkin mampu untuk menangani semua isu yang dihadapi masyarakat. Justeru, jalinan **perkongsian bijak** dan *strategic alliance* dengan komuniti, sektor korporat dan NGO merupakan satu daripada kaedah pelaksanaan yang cukup berkesan.

10. Oleh itu, saya sangat menghargai usaha dan inisiatif yang telah diambil oleh **sektor korporat dan perbankan** yang telah menyahut aspirasi Kerajaan dalam melaksanakan **tanggungjawab sosial korporat** untuk golongan yang memerlukan. Kini pelbagai produk perbankan dan insurans telah diperkenalkan kepada golongan OKU antaranya ialah insurans kepada OKU oleh Allianz Malaysia Berhad, program Agro Bakti oleh Agrobank iaitu pembiayaan untuk golongan OKU yang berminat untuk menjalankan perniagaan berasaskan pertanian dan industri asas tani dan kemudahan-kemudahan perbankan yang lain. Inisiatif ini perlu diwar-warkan agar faedahnya dapat dijangkau dan dinikmati oleh OKU dan kumpulan sasaran yang lain. Dengan ini, OKU akan mendapat peluang yang sama seperti anggota masyarakat yang lain dalam semua aspek kehidupan. Usaha ini sangat penting bagi menggalakkan penyertaan penuh, efektif serta bersifat inklusif OKU dalam masyarakat.

11. Syarikat-syarikat korporat juga kini telah menyedari akan potensi yang ada pada OKU dan membuka peluang pekerjaan kepada OKU. Ini ialah satu usaha yang terpuji dan sewajarnya

menjadi inspirasi dan pencetus semangat kepada syarikat-syarikat korporat yang lain untuk turut mengorak langkah yang sama. Oleh yang demikian, saya menyeru agar syarikat-syarikat korporat atau pihak majikan mengubah persepsi terhadap OKU serta berilah perhatian kepada keupayaan dan bukan melihat kepada ketidakupayaan mereka semata-mata.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENUTUP

12. Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang dapat hadir pada petang ini. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbangkan tenaga bagi memastikan kelancaran majlis ini. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya melancarkan Pelan Tindakan OKU (2016 – 2022).

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wasallam Mualaikum W.B.T.